

**SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN  
AKTIVITI PUSAT HIBURAN – KELAB MALAM/PUB/DISKO/PUSAT ISTIREHAT/PUSAT HIBURAN  
KELUARGA/KARAOKE  
MAJLIS DAERAH MERSING**

1. Lesen ini hanya sah mulai tarikh bayar sehingga tarikh tamat yang dicetak pada lesen.
2. Pemegang lesen perlu memastikan Lesen Hiburan yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Kerja Keselamatan Daerah Mersing sentiasa diperbaharui dan tidak tamat tempoh.
3. Hanya pekerja warganegara Malaysia sahaja dibenarkan bekerja di Pusat Hiburan/Permainan Keluarga.
4. Kegiatan-kegiatan lain tidak dibenarkan sama sekali khususnya berbentuk hiburan seperti berikut:
  - a) Perjudian;
  - b) Gambar-gambar lucah;
  - c) Muzik (*pipe music*) dan;
  - d) Penjualan bahan-bahan bercetak khususnya yang mengandungi unsur-unsur negatif.
5. Pusat Hiburan/Permainan Keluarga hanya dibuka kepada pengunjung **berumur 18 tahun** ke atas. Walau bagaimanapun mereka yang **berumur di bawah 18 tahun** dibenarkan mengunjungi dengan ditemani oleh ibu-bapa ataupun penjaga.
6. Pelajar yang **berpakaian seragam sekolah** adalah **dilarang** memasuki premis Pusat Hiburan/Permainan Keluarga.
7. Semua Pusat Hiburan hendaklah menghadkan operasi sehingga jam **12.00 malam** atau masa yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melesen dibawah Lesen Hiburan dan pihak MDM.
8. **Penjualan minuman keras dan rokok dilarang** sama sekali di dalam serta luar premis kecuali mendapat kebenaran.
9. Pelanggan juga **dilarang** untuk **membawa masuk** sebarang **minuman keras** dan **rokok** daripada luar.
10. Pengusaha hendaklah menyediakan buku rekod kemasukan pelanggan bagi disemak oleh pihak berkuasa pada bila-bila masa.
11. Pengusaha juga hendaklah mengambil perhatian ke atas aspek-aspek kebersihan dengan menyediakan kemudahan tong sampah dan tandas awam yang mencukupi dengan mengasingkan tandas lelaki & perempuan.
12. Pemegang lesen hendaklah memastikan tiada penyalahgunaan lesen yang dikeluarkan kepadanya selain dari tujuan asal lesen tersebut.
13. Mematuhi semua syarat-syarat di dalam Enakmen Hiburan & Tempat-Tempat Hiburan 1995 dan Peraturan-Peraturan Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan yang berkaitan.
14. Lain-lain sekatan dan syarat yang dikemukakan oleh MDM dari masa ke semasa
15. Mesti mengadakan pencahayaan dan pengudaraan secukupnya sewaktu beroperasi sehingga memuaskan hati Pegawai Berkuasa Melesen.
16. Semua pencahayaan mestilah ditutup pada waktu operasi tamat.
17. Semua pekerja yang mengendalikan minuman dan makanan di tempat hiburan mestilah mendapat suntikan TY2.
18. **Pusat karaoke yang mempunyai bilik-bilik khas atau sekatan-sekatan di dalamnya perlu mendapatkan kelulusan pengubahsuaian dari Bahagian Kawalan Bangunan MDM, pintu hendaklah mempunyai cermin yang mempunyai tahap ketelusan cahaya lebih 70% ataupun yang bersesuaian.**
19. Jarak kedudukan premis mestilah di **kawasan yang telah di zonkan dan tidak kurang** dari 300meter dari sekolah, institusi pendidikan, kawasan perumahan, institusi agama atau lain-lain kawasan yang dianggap sensitif oleh pihak MDM.
20. Tindakan **pembatalan lesen** dan **menutup premis perniagaan** boleh dijalankan serta-merta jika pengusaha didapati melanggar apa-apa undang-undang yang berkuat kuasa, melakukan apa-apa aktiviti berunsur negatif di premis tersebut, melanggar syarat-syarat yang telah ditetapkan ini atau arahan lain dikeluarkan oleh Majlis Daerah Mersing dari semasa ke semasa.

**PERHATIAN**

Syarat-syarat di atas masih terus berkuatkuasa sekiranya tempoh permit ini diperbaharui atau dilanjutkan sehingga ada arahan bertulis daripada Majlis Daerah Mersing membatalkan syarat-syarat tersebut.